

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS RAIKAN RAYA: RAYA RAFFLESIA
ANJURAN KOLEJ RAFFLESIA**

**27 APRIL 2025 | SABTU | 8:00 MALAM
DEWAN SERBAGUNA RAFFLESIA,
KOMPLEKS KEMUDAHAN PELAJAR RAFFLESIA
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengerusi Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Encik Hazmal Ismail

Pengetua Kolej Kediaman Rafflesia

UiTM Cawangan Selangor

Kampus Puncak Alam

YBrs. Puan Maria Mohd Salleh

Penasihat Program Raikan Raya: Raya Rafflesia

Saudari Nur Fatimah Binti Abdul Hakim

Ketua Pengarah Program Raikan Raya: Raya
Rafflesia

Barisan Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)

Barisan Staf Residen Kolej (SRK)

Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)

Sekretariat Perwakilan Kolej (SPK) Kolej Rafflesia

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, warga UiTM Cawangan Selangor dan para pelajar yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana kita diberi ruang masa dan kesempatan untuk hadir pada malam ini bagi menjayakan majlis **Raikan Raya: Raya Rafflesia.**

2. Malam ini kita berkumpul dengan tujuan yang mulia, iaitu untuk mengeratkan ukhwah sesama pelajar khususnya yang tinggal di kolej kediaman dengan semua barisan staf.
3. Saya percaya, hubungan yang mengutamakan rasa hormat dan saling menghargai antara satu sama lain adalah asas kepada pembentukan persekitaran komuniti yang gembira, sihat dan harmoni.
4. Dengan keberkatan yang melimpah, majlis seperti ini bukan sahaja menyatukan kita sebagai sebuah komuniti di kampus, malah menjadi simbol kebersamaan.
5. Ambillah peluang dan kesempatan ini untuk saling bermaaf-maafan, bersilaturrahim, dan berkongsi kegembiraan.

Hadirin Sekalian,

6. Saya amat berharap agar objektif majlis ini dapat dicapai serta memberi peluang dan ruang kepada semua, khususnya para pelajar yang hadir pada malam ini untuk turut sama merasai semangat perayaan.
7. Secara tidak langsung, ia juga dapat menjadi ruang untuk melepaskan seketika tekanan dalam pelajaran dan mencipta kenangan indah bersama-sama.
8. Saya dimaklumkan bahawa pada malam ini, kita berpeluang menyaksikan persembahan menarik daripada wakil setiap blok Rafflesia serta PERSENI.
9. Justeru, majlis ini bukan sahaja sebagai ruang untuk memperkukuhkan ukhwah kita semua,

malah turut menjadi platform untuk mengasah bakat.

10. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menganjurkan dan menyertai majlis ini.

11. Semoga majlis ini diberkati, dan membawa kesan positif kepada hubungan kita semua yang hadir pada malam ini.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin.

Pohon seraya tumbuhnya tinggi,
Burung terbang menyusuri awan,
Syawal dirai dengan hati suci,
Jagalah hubungan, hindari perselisihan.

Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.